(c) tidak dibenarkan mengulang semester/ peringkat pengajian.

## 4.11 TEMPOH PENGAJIAN PROGRAM

Penganugerahan diberi jika tempoh pengajian pelajar tidak melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan bagi program berkenaan. Tempoh maksimum mengikuti program adalah seperti berikut :

| Program | Tempoh maksimum |
|---|---|
| Program Persediaan PISMP (2 semester) | 4 semester |
| Program Diploma Perguruan Lepas Ijazah (3 semester) | 5 semester |
| Program Diploma Perguruan Malaysia (6 semester) | 8 semester |
| Program PISMP (8 semester) | 10 semester |

Jadual 1 : Tempoh Pengajian



## 4.12 PENGANUGERAHAN PANGKAT

4.12.1 Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian

Keputusan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian hanya akan menyatakan PMGT yang dicapainya, seperti Jadual 2 dibawah :

| KELAS | JULAT PMGT |
|---|---|
| PERTAMA | 3.75 - 4.00 |
| KEDUA ATAS | 3.00 - 3.74 |
| KEDUA BAWAH | 2.00 - 2.99 |
| GAGAL | 0.00 - 1.99 |

Jadual 2 : Jadual Pengkelasan Ijazah

4.12.2 Diploma Perguruan Lepas Ijazah

Kriteria penganugerahan kepada lulusan Diploma Perguruan Lepas Ijazah adalah seperti Jadual 3 di bawah ini :

| Pangkat | PMGT (CGPA) | Praktikum (Gred minimum) | Kokurikulum (Gred minimum) |
|---|---|---|---|
| Cemerlang | 3.75 - 4.00 | A | A |
| Kepujian | 3.25 - 3.74 | B+ | B+ |
| lulus | 2.00 - 3.24 | C | C |
| Tidak Layak dianugerahkan Diploma | 0.00 - 1.99 | - | - |

Jadual 3 : Kriteria Pangkat Diploma Pendidikan